

Akibat banjir kilat selepas hujan lebat sejak awal pagi di Gugusan Manjoi

200 penduduk berpindah

Oleh MOHD. AZLI ADLAN
azli.adlan@kosmo.com.my

IPOH – Lebih 200 penduduk dari 55 buah keluarga di Gugusan Manjoi, Taman Lim dan Buntong di sini terpaksa dipindahkan ke dua pusat pemindahan sementara akibat kejadian banjir kilat berikutan hujan lebat sejak awal pagi semalam.

Kesemua mereka dipindahkan ekoran air di beberapa batang sungai antaranya Sungai Pari dan Sungai Tapah melimpahi tebing.

Kesemua mangsa ditempatkan di Sekolah Agama Rakyat Tengku Hussein dan Dewan Orang Ramai Kampung Manjoi di sini.

Menteri Besar Perak, Datuk Seri Dr. Zambry Abd. Kadir, berkata, banjir yang terburuk di kawasan berkenaan sejak 2007 itu disebabkan hujan lebat luar biasa selama tujuh jam bermula pukul 2 pagi.

“Paras tiga sungai berdekatan iaitu Sungai Tapah, Sungai Pinji dan Sungai Pari telah meningkat



ANGGOTA JPAM membantu menyelamatkan mangsa banjir di Kampung Manjoi, Ipoh semalam.

mendadak akibat kuantiti air hujan yang banyak tersebut.

“Limpahan air sungai berkenaan kemudiannya telah membanjiri kawasan perumahan berkenaan

sehingga 0.9 meter,” katanya selepas meninjau keadaan banjir di Kampung Manjoi di sini semalam.

Zambry memberitahu, dua pu-



ZAMBRY (depan, dua dari kanan) melawat kawasan yang dilanda banjir di Kampung Manjoi, Ipoh semalam.

sat pemindahan telah dibuka iaitu di Kompleks Serbaguna Manjoi dan Dewan Orang Ramai Buntong.

“Semua agensi kerajaan terma-

suk Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) dan Jabatan Bomba dan Penyelamat telah dikerahkan untuk membantu mangsa banjir,” katanya.